

Jumaat, 27 Disember 2019 | 6:18pm



Pengarah Penguatan Kuasa KPDNHEP, Datuk Iskandar Halim Sulaiman. - NSTP/Hazreen Mohamad

Kerajaan mula siasat punca kenaikan harga bawang

Oleh Amin Ridzuan Ishak
aminridzuan@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sudah memulakan siasatan bagi mengesan sama ada wujud unsur pencatutan atau manipulasi harga didalangi pengimport, pembekal, pemborong dan peniaga sehingga menyebabkan harga bawang merah meningkat mendadak.

Pengarah Penguatan Kuasa KPDNHEP, Datuk Iskandar Halim Sulaiman, berkata siasatan bermula semalam, dan notis kepada kepada pihak terbabit sudah diserahkan sebagai proses untuk mendapatkan maklumat antaranya bila mereka mendapat stok bawang merah dan harganya.

Katanya, siasatan itu mengambil masa kerana membabitkan banyak pihak selain perlu mengesan pengimport dan pergerakan kemasukannya bagi mengenal pasti sama ada bawang merah India dijual sekarang adalah stok lama atau baru.

"Sebenarnya bawang merah dari India sudah habis di pasaran Malaysia sejak Oktober lagi disebabkan negara itu menghentikan eksportnya sejak 28 September lalu.

"Lanjutan itu, pengimport mengalihkan import dari Pakistan yang hampir serupa.

"Harganya jauh lebih tinggi, kita beli dari India selama ini kerana harganya murah serta rasanya lebih menepati cita rasa rakyat Malaysia. Sebab itu harganya mahal (di pasaran kini).

"Kita sudah memulakan siasatan yang bermula di Perlis untuk melihat sama ada wujud unsur pencatutan dan pihak yang didapati melakukannya boleh dikenakan hukuman di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti-Pencatutan 2011," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

BH hari ini melaporkan orang ramai merungut berikutan kenaikan mendadak harga bawang merah India sejak beberapa minggu lalu kerana bekalan didakwa semakin kurang.

Pemborong dan peruncit pula tidak ada pilihan, terpaksa meletakkan harga yang mahal kerana mendakwa mereka juga memperoleh bekalan daripada pembekal dengan harga tinggi.

Keadaan itu menimbulkan persoalan sekiranya wujud unsur pencatutan atau manipulasi harga didalangi pengimport, pembekal, pemborong serta peniaga yang menyebabkan harganya meningkat mendadak dan pengguna menjadi mangsa.

Masalah kekurangan bekalan bawang merah India di negara ini dikesan berlaku sejak September lalu yang difahamkan berpunca larangan eksport dikenakan India.

Tindakan itu berpunca daripada penyusutan bekalan di India akibat cuaca tidak menentu, pilihan raya negara berkenaan, selain memberi tumpuan kepada keperluan rakyatnya.

Kekurangan bekalan itu menyebabkan berlakunya kenaikan mendadak harga bawang merah India, dan tinjauan BH di beberapa negeri semalam mendapati harga runcit sekilogram bawang merah India antara RM10 hingga RM15, berbanding antara RM5 hingga RM8 sebelum ini.